

MUKADIMAH



SEKOLAH Kluster bakal mengubah lanskap pendidikan di negara ini. Perancangan pembangunan yang mencakupi urusan di dalam dan luar negara, telah digabung jalin secara rapi oleh pelaksana dasar dan para pegawai tingginya bagi memastikan kejayaan program berkenaan - yang dilihat sebagai "bayangan kepada sistem pendidikan sebuah negara maju mengikut acuan Malaysia."

Seminar, bengkel, pelantikan dan dasar-dasar baru sepanjang Mac telah menguatkan komitmen dan perspektif penubuhan Sekolah Kluster, dan akan diperhalusi dan diperbaiki selepas ini.

Ikuti temu ramah dengan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, yang bertungkus lumus menjadikan segala yang dirancang bakal dilaksanakan sehabis baik.

KEMENTERIAN Pelajaran berpendirian bahawa kecemerlangan pendidikan kini terletak di tangan pihak sekolah sendiri.

Dalam pengumuman yang cukup bersejarah berhubung penganugerahan kuasa autonomi kepada sekolah baru-baru ini, menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengingatkan bahawa elemen untuk melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan banyak bergantung kepada kebolehan sekolah sendiri.

"Jadi, pada hari ini, saya ingin mengumumkan beberapa bidang kuasa autonomi yang akan dianugerahkan sebagai permulaan kepada sekolah yang terpilih dalam kelompok kecemerlangan," katanya di Putrajaya baru-baru ini.

Beliau memberitahu, penganugerahan autonomi itu diputuskan selepas mengambil kira resolusi serta pandangan yang dibangkitkan dalam Bengkel Autonomi Sekolah Kluster yang diadakan pada 19 dan 20 Mac lalu, yang turut melibatkan penyertaan 300 peserta dari kalangan pengetua, guru besar, wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), alumni serta pihak-pihak berkepentingan (*stake holders*).

Bengkel berkenaan diadakan khusus bagi membincangkan bidang autonomi yang perlu diberikan kepada pemimpin Sekolah Kluster bagi mencipta kecemerlangan sekolah masing-masing, seiring dengan tema Melonjakkan

Kecemerlangan Institusi Pendidikan seperti mana yang digariskan dalam teras keenam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP).

Hishammuddin mengumumkan bahawa penganugerahan autonomi itu amat bersejarah kerana pertama kali diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara.

Berikut adalah beberapa kategori berkaitan autonomi yang akan diberikan kepada pemimpin sekolah kluster:

i) Pengurusan sumber manusia

Pihak sekolah diberi fleksibiliti dan kebebasan untuk memilih dan mengiklankan calon guru serta staf sokongan (dalam perkhidmatan) yang dikehendaki untuk berkhidmat dan mengajar di sekolah masing-masing, tanpa mengikut norma perjawatan biasa.

■ Pihak sekolah diberi kebebasan

untuk memilih kursus dan program latihan yang sesuai yang perlu dihadiri oleh guru di sekolah masing-masing

■ Pemimpin sekolah juga diberi kebebasan untuk menggunakan khidmat dan kepakaran pihak luar dalam bidang yang diperlukan untuk memajukan sekolah, misalnya dalam bidang sukan. Pihak sekolah boleh menentukan sendiri elau/bayaran yang perlu diberikan kepada pihak luar ini

ii) Mewujudkan dana dan tabungan sekolah

■ Pihak sekolah diberi kebebasan menguruskan sendiri soal kewangan sekolah melalui pemilihan sekolah-sekolah ini sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ). Dalam konteks ini, sumber kewangan akan disalurkan terus kepada akaun sekolah, dan PTJ akan

menguruskannya mengikut keperluan sekolah.

■ Pihak sekolah diberikan kebenaran untuk mencari dana dan sumber kewangan alternatif, termasuk mendapatkannya daripada pihak luar bagi melaksanakan program dan aktiviti sekolah serta bagi mewujudkan dana dan tabungan sekolah.

■ Dana atau tabungan ini dibenarkan untuk digunakan bagi pemberian elauñ khas atau gaji tambahan kepada guru dan staf sokongan di sekolah masing-masing.

iii) Pengambilan murid

■ Pihak sekolah diberikan kelonggaran untuk memilih 10 peratus daripada jumlah kemasukan pelajarinya melalui cara dan kaedah yang dirasakan sesuai.